

20 OCT 1998

NAJIB DIANUGERAHKAN FELLOWSHIP KEHORMAT INSTITUT PEMASARAN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dianugerahkan Fellowship Kehormat Institut Pemasaran Berkanun United Kingdom (CIM) sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau.

Najib menerima anugerah itu daripada Pengerusi CIM David Chapman dalam satu upacara, di pejabatnya di sini.

Chapman berkata, Najib adalah orang kedua di Malaysia menerima anugerah itu, selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menerimanya pada April lepas.

"Kriteria pemilihan kita adalah ketat. Mereka mesti mempunyai kebolehan, profil dan bakat pemasaran," katanya.

Anugerah itu, setakat ini telah diberikan kepada kurang dari 70 orang di serata dunia, dan sebelum Dr Mahathir dan Najib, hanya lima orang diberikan anugerah itu di luar United Kingdom, katanya.

Sementara itu, pengerusi persatuan CIM Malaysia (MACIM), Datuk Dr James Alfred berkata Najib telah berusaha sebaiknya bagi memasarkan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau.

-- BERNAMA

MHI RI